

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis perspektif Sībawayh dan al-Sayūṭīy berkenaan sistem i'rab (الإِعْرَابُ) dalam bahasa Arab serta meneliti aspek-aspek persamaan dan aspek-aspek perbezaan dalam sistem i'rab (الإِعْرَابُ). Sampel kajian melibatkan beberapa penulisan terpilih berkaitan dengan sistem i'rab (الإِعْرَابُ) oleh dua orang tokoh nahu bahasa Arab iaitu; Abū Bisyr 'Amrū Ibn Othmān Ibn Qanbar (Sībawayh) dan Abu al-Fadhl Abdul al-Rahman Bin al-Kamal [Al-Sayūṭīy]. Kitab-kitab utama yang mendasari kajian ini ialah “al-Kitāb (الْكِتَابُ)” dan “Ham'ul Hawāmi'i Fi Syarhi Jam'i al-Jawāmi' (هَمْعُ الْهَوَامِعِ فِي شَرْحِ جَمْعِ الْجَوَامِعِ)”. Kajian ini mengaplikasikan teknik perbandingan yang tertumpu kepada lima item utama dalam sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) iaitu; kata nama fi'l (اسْمُ الْفِعْلِ), penggabungan (الإِضَافَةُ), kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ), sifat musyabbahaṭ (الصِّفَةُ الْمُشَبَّهَةُ), kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ). Dapatan kajian menunjukkan Sībawayh dan al-Sayūṭīy masing-masing mempunyai perspektif tersendiri terhadap sistem i'rāb (الإِعْرَابُ) bahasa Arab. Manakala daripada aspek perbandingan, dapatan kajian menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan dalam kelima-lima item yang dipilih. Persamaan dan perbezaan yang terhasil daripada perbandingan

sistem i'rab (الإعراب) antara Sibawayh dan al-Sayūṭīy menunjukkan sistem ini sememangnya wujud sejak sekian lama dalam bentuk yang tetap sebagai salah satu ciri keunggulan bahasa Arab. Manakala hasil perbezaan yang terhasil menunjukkan bahasa Arab bersedia menerima unsur-unsur modenisasi untuk terus kekal. Kajian ini turut mencadangkan supaya intelektual yang berkecimpung dalam bahasa Arab menghasilkan lebih banyak kajian perbandingan dalam pelbagai lapangan bahasa Arab sebagai input penting bagi pengkaji-pengkaji bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi.

ABSTRACT

This study intends to analyze Sībawayh's perspective and al-Sayūṭī's perspective on system of inflection (الإعراب) in Arabic language as well as examine the similarities and differences aspects in system. Research samples involved are several selected writing about system of inflection (الإعراب) by two Arabic language experts in grammar namely; 'Amru Bin 'Uthman Bin Qanbar [Sībawayh] and Abu al-Fadhl Abdul al-Rahman Bin al-Kamal [al-Sayutiyy]. Major books underlying this study are "al-Kitab" (الكتاب) and "Ham'ul Hawami'i Fi Syarhi Jam'i al-Jawam'i" (همع الهوامع في شرح جمع الجوامع). This study has applied concentrated comparison technique to five major items in system of inflection (الإعراب) namely; noun verbs (اسمُ الفعلِ), genitive construction (الإضافة), verbal noun (المصدر), sifat musyabbahah (الصفة المشبهة) and actor noun (اسمُ الفاعلِ). Finding of the research showed Sībawayh and al-Sayūṭī respectively having distinctive perspective on Arabic system of inflection (الإعراب). Whereas from comparison aspect, research findings showed similarities and differences in five major items. The similarities and differences from the comparison study in the system of inflection (الإعراب) between Sībawayh and al-Sayūṭī shows this system indeed existed since long in the form of a permanent feature as one of the benefits of the Arabic language. While the difference of the resulting products showed a willingness of

Arabic language to receive elements of modernization to remain. This study also suggested that intellectual in the Arabic language produce more comparative studies in various fields of Arabic as an important input for researchers in Arabic at the higher education.